



UCAPTAMA

Oleh

**Yang Berbahagia Datuk Saiful Anuar bin Lebai
Hussen**

**Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
(UPE, JPM)**

SEMPENA

**PROGRAM *EXECUTIVE TALK PLAN* Malaysia
BERSAMA
PENGURUSAN TERTINGGI UPE, JPM**

**27 Ogos 2021 (Jumaat)
3.00 petang – 5.30 petang
Bilik Mesyuarat Utama, Unit Perancang Ekonomi
*Secara Video Conference (VC)***

Bismillahir rahmanir rahim ...

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia, Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan,

Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT),

Yang Berusaha, Dr. Zunika Mohamed,
Timbalan Ketua Pengarah (Makro)
UPE,JPM

Yang Berbahagia, Datuk Yatimah Binti Sarjiman,
Memangku Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral),
UPE,JPM

Yang Berusaha, Town Planner (TPr) Gs Dr. Shamsaini Binti Shamsuddin,
Ketua Pengarah, PLANMalaysia,

Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Unit dan Ketua-Ketua Agensi UPE, JPM, KPKT dan PLANMalaysia,

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya, kita diberi kesempatan untuk menyertai Program *Executive Talk* Akta 172 Bersama Pengurusan Tertinggi dan para pegawai, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada hari.

2. Bagi pihak UPE, JPM, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan PLANMalaysia kerana sudi menganjurkan bersama program perkongsian ilmu untuk bagi memberi pemahaman berkaitan **Perundangan Perancangan (Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [AKTA 172])** kepada Pengurusan Tertinggi dan para pegawai UPE, JPM.

3. Untuk makluman, Objektif program *Executive Talk* Akta 172 ini adalah untuk:

- i) Menyebarluas kepentingan perancangan spatial dalam pembangunan nasional;
- ii) Menyebarluas peranan dan hubungkait PLANMalaysia dengan Bahagian-Bahagian dan Agensi-Agensi di bawah UPE, JPM; dan
- iii) Memperkukuh hubungan kerjasama strategik di antara PLANMalaysia dengan UPE, JPM

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB UPE, JPM

YBhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,

4. UPE, JPM adalah agensi pusat utama yang bertanggungjawab dalam perancangan pembangunan sosioekonomi negara dan pengagihan sumber peruntukan pembangunan (DE). Dalam melaksanakan pengagihan sumber DE, aspek perancangan spatial

turut diambil kira. Ini termasuklah elemen perancangan spatial seperti Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas bagi memastikan perancangan pembangunan adalah selari dengan perancangan spatial peringkat nasional, wilayah, negeri dan tempatan.

5. Di samping itu, UPE, JPM turut berperanan dalam memberikan input dan maklum balas terhadap kertas kerja, kajian-kajian spatial dan Penilaian Impak Sosial (SIA) berkaitan yang disediakan untuk pembentangan di peringkat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Sehubungan itu, kefahaman mengenai Akta 172 ini amat penting bagi memastikan ulasan yang dikemukakan adalah menyeluruh dan komprehensif.

PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (2021-2025)

YBhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

6. Pihak UPE, JPM telah pun memurnikan penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat. Secara umumnya, Dokumen RMKe-12 ini memberikan penekanan kepada aspek pemerksaan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan kerekayasaan sosial ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

7. Penyediaan dokumen RMKe-12 ini turut memberi tumpuan kepada aspek-aspek perancangan spatial seperti pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara serta Garis Panduan Perancangan yang berkuatkuasa bagi memastikan perancangan pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh dan inklusif.

8. Kepentingan Akta 172 ini juga diterjemahkan melalui Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi projek-projek yang telah diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja pemajuan dan pembangunan kawasan yang disesuaikan dengan dasar-dasar semasa pembangunan

negara seperti Dasar Perumahan Negara, Dasar Kebersihan Negara, *New Urban Agenda* dan Kerangka Bandar Pintar Malaysia (*Smart City*). UPE, JPM sentiasa menyokong pelaksanaan dasar yang telah dirancang ini bagi memastikan pembangunan negara yang bersifat inklusif dan mampan, seterusnya menyumbang kepada penyediaan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia seperti yang digariskan di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

9. Justeru itu, perkongsian mengenai Akta 172 pada hari ini akan memberikan kefahaman yang lebih baik kepada warga UPE, JPM mengenai kepentingan perancangan spatial dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam membantu warga UPE, JPM dalam merencana perancangan pembangunan secara efektif dan efisien.

PENUTUP

10. Akhir sekali, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih atas inisiatif KPKT dan PLANMalaysia dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga ilmu yang dicurahkan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kita semua.

Sekian, saya sudahi dengan

Wabillahitaufik Wal hidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.